



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID**  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**PERASMIAN MAJLIS PERDANA GERAKAN  
PENGGUNA SISWA  
TAHUN 2022**

**30 JUN 2022**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**  
**ARAU, PERLIS**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

**Yang Berbahagia Professor Madya Technologist  
(Ts) Dr. Shukor Sanim bin Mohd Fauzi**

Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Perlis

**Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan  
Pengguna), KPDNHEP

**Yang Berusaha Tuan Haji Azman bin Adam**

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP

**Yang Berusaha Professor Madya Dr. Ahmad  
Nizan bin Mat Noor**

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan  
Perlis

Yang Berusaha Encik Adiratno bin Che Ani  
**Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan  
KPDNHEP**

Barisan Jawatankuasa Eksekutif UiTM Cawangan  
Perlis, Pegawai-pegawai kanan KPDNHEP

Pimpinan-pimpinan Gerakan Pengguna Siswa  
(GPS), Wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan  
yang dihormati sekalian

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam  
Keluarga Malaysia,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah  
SWT di atas limpah dan kurniaNya dapat kita  
bersama-sama berhimpun di majlis perasmian  
penutupan **Majlis Perdana Gerakan Pengguna  
Siswa (MPGPS)** tahun 2022 pada pagi ini.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi  
penghargaan di atas kesudian tuan rumah kita iaitu

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis di atas komitmen, bantuan dan kerjasama yang telah diberikan kepada kementerian dalam menjayakan MPGPS tahun 2022 ini.

3. **Alhamdulillah, ini adalah kali kedua saya direzekikan untuk bersama anak-anak mahasiswa dan mahasiswi sekalian selepas yang pertama bersama Gabungan Pengguna Siswa (GPS) di Johor Bahru, baru-baru ini.** Selepas program-program bersama GPS ini tergendala kira-kira dua tahun berikutan pandemik COVID-19, Alhamdulillah kini kita kembali dapat berkumpul untuk berkongsi pandangan, idea dan aspirasi pada majlis cukup bermakna ini.

4. Saya dimaklumkan bahawa MPGPS 2022 ini yang juga kali ketujuh diadakan melibatkan pembabitan wakil pelajar GPS seramai **182 peserta**

daripada **84 universiti** seluruh negara. Berikan tepukan atas komitmen dan semangat anda untuk berada di sini, pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

5. Untuk makluman semua, objektif penganjuran MPGPs bertujuan sebagai medium untuk membincangkan isu-isu kepenggunaan bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), membina hubungan (*bonding*) yang lebih baik di antara pelajar IPT dan KPDNHEP serta memantapkan GPS sebagai sebuah gerakan kepenggunaan mengikut arus semasa untuk menyebarkan maklumat kepenggunaan yang tepat kepada golongan pengguna muda.

6. Saya difahamkan pelbagai pengisian program telah diatur dalam program MPGPs tahun ini seperti sesi dialog, cabaran interaktif GPS, lawatan lapangan

bersama penguatkuasa, *pocket talk*, pameran booth dan sebagainya.

7. Justeru, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pimpinan GPS yang telah memberikan komitmen tinggi dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya ia dapat mengeratkan silaturahim dan mengekalkan kerjasama yang terjalin erat di dalam sebuah keluarga besar GPS dan memperkasakan lagi peranan pertubuhan ini.

### **Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,**

8. Untuk makluman semua, GPS merupakan satu entiti kumpulan yang berstruktur, berperlembagaan, berperaturan dan berkepimpinan yang dianggotai oleh pelajar-pelajar IPT yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama serta bertujuan untuk saling bekerjasama, bantu membantu dan berkongsi sumber dalam melaksanakan aktiviti kepenggunaan.

9. Alhamdulillah sejak penubuhannya, jumlah keseluruhan GPS yang berdaftar dengan Kementerian telah bertambah kepada **177 buah GPS**. Daripada jumlah ini, seramai **8,748 mahasiswa** telah menjadi ahli persatuan GPS. **Besar harapan kementerian supaya ahli-ahli GPS yang ada dapat menjadi mata dan telinga serta agen penyampai maklumat yang tepat kepada pengguna, selain menjadi medium mendidik pengguna dengan aspek kepenggunaan yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan tahap pendayaupayaan pengguna.**

10. KPDNHEP sentiasa menyokong penuh segala aktiviti kepenggunaan yang dirancang terutamanya oleh mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Untuk makluman saudara dan saudari, di bawah KPDNHEP, terdapat dua (2) Persatuan yang mana

aktiviti kepenggunaannya melibatkan interaksi secara langsung dengan para belia iaitu Kelab Pengguna Sekolah (KPS) dan GPS ini. Dua Persatuan ini merupakan platform terbaik untuk menggerakkan aktiviti advokasi kepenggunaan kepada golongan belia khususnya mahasiswa dan mahasiswi yang akan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara.

11. Saya juga berpandangan bahawa saudara dan saudari adalah **duta kecil** bagi KPDNHEP selaku entiti yang berperanan sebagai **mata dan telinga Kerajaan** untuk menyebarkan ilmu kepenggunaan serta meningkatkan kesedaran berkaitan hak-hak pengguna di kalangan pengguna.

12. Justeru itu, saya amat berharap agar aktiviti-aktiviti kepenggunaan di universiti dapat diperluaskan. Harapan saya agar **ahli GPS boleh menyebarkan maklumat dan dikongsi** bukan



sahaja di peringkat ahli-ahli GPS bahkan bersama rakan taulan, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

**13. Sebagai contoh pasca pandemik COVID-19 ini kita melalui pelbagai isu yang menjentik sensitiviti rakyat seperti tekanan peningkatan harga barang dan kos sara hidup, isu-isu penyelewengan dan ketirisan subsidi, keberadaan bekalan barang keperluan di pasaran, penjualan barangan tiruan, pemulihan ekonomi negara dan pelbagai lagi.**

**14. Di sinilah pentingnya peranan GPS sebagai entiti yang hampir dengan KPDNHEP dan mudah mendapatkan maklumat-maklumat sahih yang boleh dikongsikan dengan komuniti pengguna untuk memberi kesedaran dan didikan kepada rakyat mengenai usaha-usaha kerajaan dalam mendepani situasi getir ini kerana sesungguhnya**

**kerajaan tidak pernah berdiam diri, malah berusaha sehabis baik untuk memastikan kesejahteraan rakyat seluruhnya.**

15. Peruntukan pelbagai subsidi bahan keperluan seperti minyak masak, tepung gandum, gula, beras, petrol RON95 dan diesel dan gas memasak LPG, selain ayam dan telur yang dibelanjakan kerajaan menjadi bukti usaha diambil untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

**16. Malaysia juga adalah antara negara yang paling tinggi berbelanja untuk subsidi. Malah, sebagaimana dinyatakan Menteri Kewangan baru-baru ini juga, unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan negara berjumlah RM77.3 bilion setakat ini bagi 2022 dan tertinggi dalam sejarah negara. Jika dilihat pada pecahannya pula, sejumlah RM37.7 bilion, RM4 bilion untuk minyak**

**masak 1kg dan RM9.7 bilion untuk tepung dan elektrik serta bil subsidi untuk mengurangkan bebanan rakyat. Fakta-fakta sebegini perlu diambil tahu serta diuar-uarkan kepada rakyat dan inilah antara peranan yang boleh dilaksanakan GPS untuk membantu kementerian.**

**17. Apatah lagi dengan kemudahan dan penguasaan media sosial di kalangan anak muda di era ini, GPS boleh menjadi lidah dan suara ketiga kerajaan yang berkesan dalam menyampaikan maklumat sebegini, sekaligus mendidik dan melahirkan komuniti pengguna yang lestari.**

**18. Di peringkat KPDNHEP, usaha untuk memperkasakan program advokasi kepenggunaan sentiasa menjadi keutamaan. Pelbagai program**

advokasi telah direncana dan jalinan kolaborasi strategik dengan Agensi lain sentiasa dieratkan.

19. Sebagai contoh, KPDNHEP telah menjalinkan kolaborasi strategik bersama **Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM)** untuk menganjurkan program kebudayaan bertemakan kepenggunaan yang dinamakan **Program Prosenium Pengguna IPT 2022**.

20. Program pertandingan teater bertemakan kepenggunaan ini akan memulakan siri jelajahnya pada 25 Julai 2022 di Universiti Malaya.

21. KPDNHEP juga akan terus merangka untuk meningkatkan promosi dan publisiti terhadap program advokasi di setiap lapisan masyarakat bagi menangani isu-isu kepenggunaan semasa. Sebagai contoh, KPDNHEP akan mempromosikan maskot

“KIPPI” bagi mendekati golongan muda dalam merencanakan dan menyemarakkan program pendayaupayaan pengguna yang dilaksanakan oleh KPDNHEP. Bagi anda yang mungkin belum tahu, “KIPPI” adalah singkatan kepada KPDNHEP yang kedengaran lebih futuristik, mesra dan sinonim dengan perkataan KEEP yang selari dengan objektif program advokasi kepenggunaan yang menjaga hak-hak pengguna.

**Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,**

22. Saya juga ingin menarik perhatian hadirin sekalian terhadap kajian **Indeks Pendayaupayaan Pengguna (CEI)** yang berada pada tahap **63.1%**. Indeks ini menunjukkan bahawa pengguna di negara kita masih belum benar-benar menghayati dan mempraktikkan hak-hak mereka sebagai pengguna.

23. Oleh yang demikian, KPDNHEP bertekad untuk terus membantu pengguna mendalami dan memahami isu-isu kepenggunaan sekaligus membantu mempraktikkan hak-hak pengguna melalui saluran yang betul. Namun, dalam melancarkan usaha meningkatkan pendayaupayaan pengguna ini, Kementerian memerlukan kerjasama semua pihak termasuk GPS dan NGO kepenggunaan lain seluruhnya. **Anda boleh menjadi suara ketiga yang bisa meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna.**

24. Kementerian juga secara proaktif telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk mendayaupayakan pengguna, antaranya dengan:

- i. Pembangunan **Aplikasi Price Catcher** iaitu aplikasi untuk pengguna membuat perbandingan harga bagi mendapatkan

barangan pada harga yang berpatutan di premis niaga berhampiran kawasan mereka;

- ii. Pembangunan **Aplikasi MySales Tracker** bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pengguna untuk membuat semakan aktiviti jualan murah di sekitar lokasi pengguna;
- iii. **9 saluran aduan** untuk pengguna menyalurkan sebarang isu berkaitan kepenggunaan termasuk **Sistem eAduan dan Aplikasi EzAdu** yang telah ditransformasi dan ditambahbaik, bagi memudahkan pengguna menyalurkan aduan kepada KPDNHEP dimana jua dan bila-bila masa; dan

iv. **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** yang merupakan satu platform alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna menfailkan tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan dengan nilai sehingga **RM 50,000**. Dengan slogan '**Mudah, Murah dan Cepat**' pengguna mempunyai saluran untuk membuat tuntutan terhadap peniaga atau penyedia perkhidmatan yang tidak beretika dengan kos pemfailan kes hanya **RM5.00**.

25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program kita pada pagi ini. Saya mengharapkan agar program seperti ini akan dapat diteruskan lagi di masa depan bagi membantu



Kementerian dalam merealisasikan hasrat bagi melindungi pengguna dan menyelesaikan isu-isu kepenggunaan. Saya berharap agar momentum sedia ada ini dikekalkan malah dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

26. Terimalah serangkap pantun dari saya:

**Manis kacak anak-anak semua,  
Bijak bestari, luhur budi,  
KPDNHEP jemput adik-adik bersama,  
Lahirkan masyarakat pengguna bestari**

27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan **MAJLIS PERDANA GERAKAN PENGGUNA SISWA (MPGPS) TAHUN 2022.**

*Wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, Terima Kasih.*